

02/04/2000

Umno Tumpat kecam Nik Aziz

Manzaidi Mohd Amin

TUMPAT: Umno Bahagian Tumpat mengecam kenyataan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang menolak usaha Raja-Raja Melayu menyatupadukan semula perpecahan umat Islam negara ini.

Pemangku ketuanya, Mansor Salleh, berkata penolakan itu jelas menunjukkan Pas berada dalam ketakutan akan kehilangan pengaruh dan kepercayaan penyokongnya terhadap perjuangan parti itu.

"Pas sudah jauh terpesong daripada ajaran Islam sebenar. Mereka menjadi punca umat Islam dan orang Melayu negara ini berpecah. Sebab itu apabila Umno meminta raja campur tangan, Pas menolak keras usaha itu dan menuduh raja terbabit dalam politik. Tindakan Pas itu patut dikutuk dan sempena persidangan perwakilan Umno bahagian ini, hari ini (kelmarin), saya mewakili ahli Umno bahagian Tumpat mengutuk keras kenyataan Nik Aziz kerana menolak usaha raja menyatupadukan umat Islam," katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno bahagian itu di Sekolah Kebangsaan Berangan, dekat sini, petang kelmarin.

Nik Aziz dalam kenyataan baru-baru ini menyebut Pas tetap menuduh raja berpolitik jika mereka campur tangan dalam menyelesaikan masalah perpecahan di kalangan umat Islam negara ini akibat perbezaan fahaman politik.

Ini kerana, menurut Murysidul Am Pas itu, perpecahan yang berlaku adalah berpunca daripada Umno yang didakwa membawa fahaman sekular dan jelas bercanggah dengan Islam. Sebelum ini, Majlis Raja-Raja Melayu yang bersidang di Kuala Lumpur, bersetuju mengambil tindakan tertentu bagi menyatukan semula umat Islam di negara ini yang berpecah akibat politik.

Persetujuan itu dicapai selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi taklimat khas dalam mesyuarat berkenaan mengenai perpaduan umat Islam di negara ini sekarang.

Mansor berkata, dalam tempoh 54 tahun penubuhan Umno, parti itu sudah banyak meningkatkan syiar Islam yang dilaksanakan secara berperingkat mengikut kemampuan.

"Kita sentiasa menerapkan nilai-nilai Islam dalam setiap bidang baik dalam sektor pembuatan, industri, pelancongan dan ekonomi negara. Inilah cara Umno, bukan macam Pas menghasut umat Islam supaya tidak berimamkan penyokong Umno. Bukan itu saja, pemimpin mereka juga sewenang-wenangnya mengeluarkan `fatwa' yang jelas bercanggah kehendak Islam sehingga menyebabkan umat Islam berpecah.

"Inilah akibatnya kalau menganggap diri terlalu bijak dalam hal ehwal agama, akhirnya ia berkesudahan dengan perpecahan. Dalam hal ini orang Melayu dan negara sendiri rugi," katanya.

(END)